



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 27 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	PINDAAN AKTA 141 BERI KUASA KEPADA FAMA MAIN PERANAN PASARKAN KOMODITI TERNAKAN, ASTRO AWANI -ONLINE KERAJAAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH BANTU RAKYAT YANG TERBEBAN KENAIKAN HARGA BARANG: ABIDIN, BORNEO DAILY -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4. 5. 6. 7.	BAU UMBUT SAWIT RACIK TARIK 4 GAJAK, LOKAL, HM -19 RIBUAN IKAN MATI, AIR SUNGAI BUSUK, HITAM, NEGARA, KOSMO -17 TELUR AYAM KURANG DI GUA MUSANG, NEGARA, KOSMO -16 BRIDGE MUDA PETANI MODEN TINGKAT SEKURITI MAKANAN NEGARA, NEGERI PERAK, SH -26 SUNGAI PENGKALAN DATU MAKIN CETEK, NEGERI KELANTAN, SH -24	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Pindaan Akta 141 beri kuasa kepada FAMA main peranan pasarkan komoditi ternakan



*Pindaan berkenaan juga, akan memberi peluang kepada penternak untuk memasarkan produk ternakan mereka, melalui agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) itu. - Gambar hiasan*

**ARAU:** Pindaan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Pindaan 2022) (Akta 141) yang diwartakan pada 6 Sept, memberi kuasa kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), memainkan peranan dalam pengedaran komoditi ternakan.

Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata melalui pindaan berkenaan juga, akan memberi peluang kepada penternak untuk memasarkan produk ternakan mereka, melalui agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) itu.

"Sejak Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dibubarkan pada 1983, tiada mana-mana agensi mengambil alih peranan tersebut (pemasaran ternakan). Sebagai contoh, ketika pandemik COVID-19 melanda negara, terdapat beberapa pasaran komoditi ternakan negara terjejas.

"Antara komoditi ternakan yang terjejas ialah pasaran ayam kampung dan burung puyuh. Jadi menerusi pindaan ini (Akta 141), membolehkan elemen ternakan diberikan kepada FAMA untuk membantu penternak memasarkan produk mereka," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Zainal Abidin berkata demikian selepas merasmikan penutupan Kursus 'New Breed Marketing Entrepreneur' (NBME) di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Perlis yang disertai 350 orang pelajar dan kakitangan institusi berkenaan.

Turut hadir, Pengarah PTSS Abdul Malek Hassan dan Pengarah FAMA Perlis Mohd Sharizan Mansor.

Terdahulu, Zainal Abidin turut melancarkan K-Shoppe dan kafe Kopi Kampus di PTSS.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2022	BORNEO DAILY	ONLINE	

## Kerajaan terus mengambil langkah bantu rakyat yang terbeban kenaikan harga barang: Abidin



Abidin dan yang lain menunjukkan beberapa barang yang dijual dalam program tersebut

RANAU: Kenaikan harga barang yang bukan sahaja berlaku di negara ini malah di peringkat global antara kebimbangan utama kerajaan masa kini yang terus mengambil langkah membantu rakyat yang terbeban dengan perkara itu.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Abidin Madingkir berkata, antara langkah yang diambil ialah mengadakan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) yang menawarkan penjualan barangan keperluan pada harga rendah sehingga 20 peratus.

“Melalui PJMKM, Kerajaan telah menurunkan harga barangan keperluan sehingga 20 peratus dan ia disasarkan kepada kategori B40 dan golongan berpendapatan rendah lain. Kita berharap ini dapat membantu mengurangkan kos perbelanjaan golongan sasaran.”

“Sebanyak lapan jenis bahan makanan asas tersenarai dalam jualan PJMKM iaitu beras, gula, minyak masak, tepung, telur, ayam, ikan dan sayur-sayuran serta buah-buahan. Selain itu, ada juga yang menjual sayur-sayuran segar dan beberapa produk SME tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan PJMKM Dewan Undangan Negeri (DUN) Paginatan yang diadakan di Agro Bazar Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Kinabalu, cawangan Daerah Ranau, di sini, pada Sabtu.

Mengalu-alukan program seumpama ini, Abidin berkata walaupun program itu pada awalnya dijadualkan pada tahun ini sahaja, beliau percaya kempen itu akan dilanjutkan lagi ke tahun hadapan demi kebaikan rakyat.

“Ini penting supaya rakyat yang jelas terbeban dengan kenaikan kos sara hidup hari ini terus dipedulikan oleh kerajaan, kerana apabila rakyat gembira barulah pemimpin gembira,” katanya.

Selain itu, beliau juga berharap semua usahawan dapat menjual barangan pada harga berpatutan dan tidak mengambil kesempatan terutamanya barangan yang agak terhad pengeluarannya ketika ini seperti telur ayam, daging, minyak masak dan lain-lain.

Abidin yang juga Adun Paginatan mengucapkan terima kasih kepada Pengurus Besar Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Kinabalu, Muhammad Irwan Maruji, kerana menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dengan menjayakan program itu.

Sementara itu, Muhammad Irwan berkata, PJMKM di Dun Paginatan mendapat sambutan yang agak menggalakkan daripada pengguna di sekitar kawasan itu dengan orang ramai beratur seawal jam 6.00 pagi untuk berpeluang membeli produk mereka.

Di Sabah, program itu dilaksanakan di 73 Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dilaksanakan serentak mengikut daerah, dan bagi Ranau ketiga-tiga DUN iaitu Karanaan, Kundasang dan Paginatan telah mengadakan program itu.

Turut hadir Ketua Daerah, Muhasip Hj Ruman, Pegawai FAMA Ranau, Sahirin Bin Omar, Pegawai Kemajuan Masyarakat (CDO), Japili Sigal, Pemaju Mukim dan pemimpin tempatan yang lain.

**Kluang:** Bau umbut pokok sawit yang diracik bagi proses penanaman semula di ladang sekitar Taman Seri Impian antara punca kehadiran empat gajah di sekitar taman berkenaan, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri Johor, Aminuddin Jamin berkata, faktor lain yang menyebabkan haiwan berkenaan tersasar masuk penempatan penduduk itu juga disebabkan gangguan kerana mengalami pembinaan struktur parit

dan pagar. "Kawanan gajah tersesat itu kini sudah bergerak ke sebelah kawasan hutan berhampiran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi). "Pemilik ladang berkenaan terpaksa melakukan proses meracik itu kerana aktiviti pelupusan alternatif iaitu pembakaran pokok sawit tidak dibenarkan. "Perhilitan tidak mempunyai kuasa untuk menahan pemilik ladang dari-

pada melakukan proses meracik itu melainkan mengambil langkah mengambalikan pembuat kawalan supaya gajah berkenaan tidak memasuki penempatan penduduk," katanya. Aminuddin berkata, pihaknya maklum dan prihatin dengan masalah pembakaran pokok yang di-

alami penduduk sekitar daerah ini berhubung isu gajah yang berulang. Katanya, pihaknya berusaha mengambil pelbagai langkah proaktif termasuk pemindahan gajah dan melaksanakan tugas renjer hutan pada waktu siang dan malam demi keselamatan orang ramai.

"Pada waktu-siang renjer hutan bertutan bertugas mengawasi pergerakan gajah supaya tidak memasuki kawasan penempatan manusia. "Kami juga sudah mengadakan mesyuarat dengan pemilik ladang sekitar Taman Seri Impian baru-baru ini bagi mencari jalan terbaik supaya haiwan itu tidak memasuki kawasan perumahan penduduk," katanya.

Proses dilakukan kerana aktiviti pembakaran pokok tidak dibenarkan

## Bau umbut sawit racik tarik 4 gajah

Beliau berkata, berikutan aktiviti pembersihan ladang sawit untuk proses penanaman semula itu, pihaknya menjangkakan kehadiran haiwan berkenaan akan berlaku sehingga proses berkenaan selesai.

Terdahulu, tular di media sosial sejak beberapa hari lalu, video memaparkan penduduk sekitar Taman Seri Impian yang dikejutkan dengan gangguan haiwan berkenaan hingga merosakkan pagar dan tanaman selain mendatangkan perasaan bimbang mengenai keselamatan nyawa penduduk.



SAIFUL AZAM menunjukkan ikan-ikan yang mati akibat pencemaran air di Sungai Chikus, Batang Padang, Tapah semalam.

Nelayan hilang punca rezeki akibat pencemaran

## Ribu-an busuk, hitam sungai mati, air

Oleh AIM SAFRE BIDIN

**TAPAH** — Pencemaran Sungai Labu dan Sungai Chikus di Batang Padang di sini yang dipercayai akibat pembuangan sisa industri dari kawasan berdekatan sungai tersebut sejak tiga hari lalu menyebabkan ribuan ikan mati.

Seorang nelayan, Saiful Azam Mohd. Sapari, 36, memberitahu, pencemaran itu juga menyebabkan air sungai tersebut bertukar hitam dan berbau busuk.

Menurutnya, nelayan setempat terkejut apabila menemui ikan-ikan serta udang galah yang telah mati terapung di sungai berkenaan.

"Kejadian ini telah menjejaskan pendapatan kami sebagai golongan nelayan.

"Kami amat berharap pihak



bertuasa dapat mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah ini dan mengelakannya menjadi lebih teruk," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurutnya, antara hidupan sungai yang ditemui mati termasuklah ikan lampam, ikan baung, ikan tilapia, ikan putih dan udang galah.

"Kita-kira enam orang nelayan sungai di sini hilang sumber pendapatan kesan daripada pen-

maran sungai itu. Mereka agak terkesan dengan masalah tersebut," ujarnya.

Katanya, masalah ini bukan pertama kali berlaku, malah kerap terjadi terutamanya pada hari cuti ah, seakan-akan memberi petanda bahawa kegiatan pembuangan sisa industri berlaku pada waktu tersebut.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Manik, Datuk Zainol Fadzil Pahardin berkata, pihaknya memandangi serius actuan daripada nelayan berkaitan isu pencemaran Sungai Chikus tersebut.

Katanya, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu mencari punca pencemaran tersebut dan mengambil tindakan segera terhadap pihak yang menyebabkan masalah berkenaan.

# Telur ayam kurang di Gua Musang

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Pemborong dan peniaga di daerah ini resah apabila bekalan telur ayam semakin berkurangan sejak dua minggu lalu sehingga tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan.

Situasi itu turut diakui oleh pengusaha kedai makan, pembuat kek dan biskut apabila sukar mendapatkan telur ayam.

Tinjauan Kosmo! di dua pasar raya dan beberapa kedai runcit mendapati, telur ayam habis dan difahamkan bekalan baharu akan tiba hari ini atau Khamis.

Seorang peniaga kedai runcit, Nurul Fatehah Saupi, 33, berkata, pada bulan ini, bekalan telur hanya sampai seminggu sekali di premisnya.

"Jumlah bekalan amat terhad apabila hanya menerima 50 papan telur seminggu. Masalah kekurangan telur ayam Gred A, B, C dan D berlaku sejak dua minggu lalu dan tidak dapat menampung permintaan yang tinggi.

"Ramai pelanggan tetap dan baharu datang untuk membeli



**SEORANG** pelanggan melihat rak jualan telur yang kosong di sebuah pasar raya di Gua Musang kelmarin.

telur, namun pulang hampa kerana bekalan habis," katanya.

Pengusaha bakeri, Mohamad Shamsul Ridzuan, 32, berkata, dia berdepan masalah untuk menyiapkan tempahan pelanggan kerana masalah kekurangan bekalan telur ayam.

Katanya, dia terpaksa menghadkan tempahan kek kerana kekurangan bekalan telur ayam.

"Jika keadaan berterusan, saya terpaksa bercuti seketika

dan menolak tempahan pelanggan," katanya.

Seorang lagi pengusaha kedai makan, Mimiiza Mohd. Zain, 36, berkata, masalah itu memberi kesan kepada perniagaannya kerana kebanyakan menu yang dijual adalah masakan panas berasaskan telur.

"Adakala pelanggan merungut dan tidak puas hati kerana tiada telur dalam hidangan mi bandedung atau nasi goreng," katanya.

27/9/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
PERAK

26

## Briged Muda Petani Moden tingkat sekuriti makanan negara

**IPOH** - Majlis Belia Negeri (MBN) Perak menjadi organisasi belia pertama di negara ini menubuhkan Briged Muda Petani Moden sebagai satu usaha meningkatkan sekuriti makanan negara.

Presiden MBN Perak, Muhammad Puhaz Salleh berkata, idea penubuhan briged tersebut terocut sebagai titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang mahukan golongan belia terlibat dalam sektor pertanian selain ancaman jaminan bekalan makanan global.

Menurutnya, setiap Majlis Belia Daerah (MBD) di negeri ini mempunyai Briged Muda Petani Moden masing-masing yang berperanan membantu golongan

an belia yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

"Pelaksanaan untuk program ini kita akan selaraskan melalui majlis belia daerah untuk melihat dan mengenal pasti golongan belia yang terlibat dengan pertanian untuk kita membantu dari segi peralatan dan bahan input pertanian.

"Bagi tujuan itu, kerajaan negeri menerusi Pejabat Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Perak memperuntukkan RM10,000 kepada setiap MBD untuk memastikan bantuan dapat disalurkan kepada belia yang layak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau ditemui pada Majlis Perasmian Karnival Sambutan



Saarani (depan, empat dari kanan) sempena Anugerah Belia Perdana Negeri Peringkat Negeri Perak 2022 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh pada malam Ahad.

Hari Belia Negara dan Anugerah Pendidikan Guru Kampus Ipoh Belia Perdana Negeri Peringkat di sini pada Ahad yang di-

Negeri Perak 2022 di Institut sumpunamakan oleh Menteri Besar,

Datuk Seri Saarani Mohamad.

Sementara itu, Muhammad Puhaz berkata, di bawah kepimpinan baharu, MBN Perak memberi fokus kepada ke- mandirian organisasi dengan antaranya menubuhkan sebuah syarikat untuk organisasi belia itu menjalankan perniagaan.

"MBN Perak perlu mengurangkan kebergantungan terhadap kerajaan. Cukuplah tempoh 22 bulan selepas pertukaran kerajaan pada tahun 2018 menjadi detik hitam dan kemarau yang panjang buat pertubuhan belia.

"Peruntukan dan bantuan tidak dibenarkan kepada pertubuhan belia untuk menganjurkan aktiviti program," katanya.



# Sungai Pengkalan Datu makin cetek

40 bot, 32 perahu kolek milik 300 nelayan terkandas

Oleh ADILA  
SHARINNI WAHID  
KOTA BHARU

**K**eadaan sungai Pengkalan Datu di Pangkalan Sabak, Pulau Gajah, di sini yang semakin hari semakin cetek menyebabkan bot serta perahu kolek milik 300 nelayan terkandas.

Keadaan itu menyebabkan nelayan sukar untuk turun ke laut bagi menangkap ikan malah ramai yang terjejas pendapatan sehingga 50 peratus.

Ketua Pangkalan Sabak Pulau Gajah, Nik Ruzullaili Nik

Yusuff berkata, masalah sungai cetek di kawasan tersebut sudah berlaku sejak 10 tahun lalu dan beberapa kali aduan dibuat kepada pihak bertanggungjawab untuk membela nasib mereka.

"Pangkalan ini adalah kawasan pengumpulan 32 perahu kolek dan 40 bot fiber milik nelayan Pantai Sabak sejak 25 tahun lalu namun makin lama sungai makin cetek hingga ada waktu hanya tinggal kurang 0.3 meter kedalaman air."

"Bot dan perahu tersangkut pada lumpur. Dalam tempoh sebulan, hanya seminggu kami dapat ke laut," katanya ketika ditemui di Pangkalan Sabak, Pulau Gajah, di sini pada Isnin.

Menurut Nik Ruzullaili, meraka hanya bergantung kepada keadaan air yang benar-benar



MOHD RIZUWAN

pasang untuk membawa bot ke tengah sungai dan seterusnya ke laut.

Seorang nelayan, Azman Ya, 58, berkata, dia terpaksa meletakkan bot sejauh 500 meter di tengah sungai dari Pangkalan Sabak dan bermalam di dalam bot bagi membolehkan dia keluar menangkap ikan di laut pada jam 3 atau 7 pagi.

"Sekitar jam 1 hingga 4 petang, balik ke pangkalan dan sekali lagi bot tersekat serta tidak boleh masuk rapat ke pangkalan kerana air cetek. Terpaksa pula punggah hasil tangkapan untuk dibawa ke daratan," luahnya.

Seorang lagi nelayan, Mohd Rizuwan Ramli, 41, berkata, masalah sungai cetek itu menyebabkan kerosakan pada kipas dan enjin bot apabila peralatan itu tersangkut di dalam lumpur.

"Setiap tahun mesti ada tiga hingga empat kes kerosakan kipas



Nik Ruzullaili (kanan) dan Azman (kiri) yang tidak dapat menurunkan perahu kolek mereka ke laut kerana sungai cetek.

bot. Bagi perahu kolek, kos membeli kipas mencecah RM300 manakala bagi enjin bot fiber boleh kurang sehingga RM3,000.

"Kali terakhir kedalaman sungai dibuat pada 10 tahun lalu

dan saya sangat berharap pihak berwajib prihatin untuk menyalurkan sungai ini sekurang-kurangnya tiga meter supaya nelayan dapat terus mencari rezeki di laut," ujarnya.